

# *Sāhib al-Faḍīlah al-Shaykh* Abdul Basit Muhammad ‘Abd us-Samad

## Meninggalkan riwayat di ibu kota Malaysia

Qari Mesir *Sāhib al-Faḍīlah al-Shaykh* Abdul Basit Muhammad ‘Abd us-Samad yang tidak asing lagi

bagi umat Islam di seluruh dunia dan Malaysia kerana bacaannya dengan suara yang merdu yang meliputi syarat-syarat

tajwid itu telah diundang oleh kerajaan Malaysia untuk membaca ayat-ayat suci al-Qur’ān di dalam pembukaan

Masjid Negara pada 27 Ogos 1965.

Beliau ialah seorang qari yang masyhur sekali.

Tatkala beliau datang ke Mekah bertumpu-tumpu manusia menyambut beliau sebagai orang menyambut seorang orang besar. Tiap-tiap Jumaat beliau, sebelum sembahyang Jumaat membaca ayat-ayat suci al-Qur’ān di Masjid al-Imām al-Shāfi‘ī di Kaherah sehingga dengan kerananya tiap-tiap Jumaat masjid itu telah penuh sesak orang bersembahyang di dalamnya dan bacaan-bacaan beliau di sana, tiap-tiap hari Jumaat itu terus dilaungkan oleh Radio Kaherah ke merata-rata dunia. Semua orang mengakui bagaiman fasih dan merdunya bacaan beliau dan di dalam masa lawatan pembukaan masjid itu pada malam yang kedua menjadikan semua pendengar-pendengar asyik dan tafakur termasuk Tengku Abdul Rahman yang sangat gemar dengan bacaan-bacaan al-Qur’ān. Beliau sebagai qari sangat pandai menyesuaikan ayat-ayat yang dibaca dengan masa dan tempat. Bacaan malam yang kedua itu sangat menarik iaitu dengan ayat-ayat sūrat al-Fajr dan sūrat al-Balad serta surah al-Ḍuhā dan *Alam nashrah*.

Kerana memandag bahawa bagus menjadi ingatan atas lawatan beliau itu maka di bawah ini ditafsirkan ayat yang dibaca beliau pada malam yang akhir itu mudah-mudahan dengannya akan menjadi kesedaran:—<sup>1</sup>

Sūrat al-Fajr.

***Bismi Allāhi al-rahīmāni al-rahīm***

Dengan nama Allah yang Pemurah dan Penyayang.

**1. *Wa al-fajri wa layālin ‘ashr***

Perhatikanlah fajar dan sepuluh malam

**2. *Wa al-shaf’i wa al-watr***

Dan (perhatikanlah) genap dan ganjil

**3. *Wa al-layli idhā yasr***

Dan (perhatikanlah) malam apabila ia berjalan

**4. *Hal fī dhālika qasamun li dhī ḥijr***

Bukanlah ada padanya satu perhatian (sumpah) bagi yang berakal

**Huraian:** Allah menyuruh memerhatikan cahaya fajar

dan cahaya bulan yang berangsur<sup>1</sup> dari malam pertama sampai sepuluh; dan Tuhan menyuruh kita memerhatikan keadaan genap dan ganjil di dalam urusan yang dapat dihitung; dan Ia menyuruh kita memerhatikan malam yang terus bertambah gelap hingga menutup benda-benda yang dapat dipandang pada waktu terang. Suruhannya supaya kita perhatikan sekalian yang tersebut itu kerana ada mengandungi isyarat dan ibarat, iaitu sementara kuat tubuh kamu dan sihat jasad kamu hendaklah berbakti dan taat kepada

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah berangsur.

Allah dan menjalankan semua perintah-perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-larangan-Nya kerana kesihatan dan kekuatan itu terkadang-kadang hilang dengan serta-merta sebagaimana hilang gelap-gelita malam dengan terbit fajar dan sebagaimana hilangnya cahaya siang dengan sebab tibanya malam; dan terkadang-kadang hilangnya itu berangsur-angsur<sup>2</sup> sebagaimana datang dan perginya cahaya bulan sepuluh malam dari tiap-tiap bulan; dan hendaklah kamu ingat bahawa keadaan manusia itu tidak ada bezanya dengan keadaan genap dan ganjil yakni sesudah berkecukupan (genap) akan datang kekurangan (ganjil).

Barang siapa suka memerhatikan sumpah-sumpah itu akan dapat tahu kebenaran erti yang Tuhan katakan tadi – atau lebih terang daripadanya – kalau suka memerhatikan.

#### **Pengajaran daripada ayat ini:**

Dalam al-Qur’ān memang ada banyak ayat-ayat yang terlihat dengan sepintas lalu sebagai suatu perkataan yang tidak mempunyai erti yang penting, tetapi jika kita perhatikan, semakin kelihatan luas, dalam atau lebar ertinya, bahkan tidak pula luput daripada mengandungi tamsil ibarat dan nasihat untuk manusia.

Kita jaanlah<sup>3</sup> tertipu dengan kekuatan, kemegahan dan kekayaan kita. Pada masa kita segar dan kuat janganlah kita lalai mengerjakan bakti kepada Allah. Pada masa kita kaya dan mampu janganlah kita lalai daripada menderma kepada jalan Allah, kerana sekalian nikmat badan dan harta yang ada pada kita, akan hilang dengan serta-merta ataupun berangsur-angsur.

#### **5. Alam tara kayfa fa’ala rabbuka bi ‘ādīn irama dhātī al-‘imād**

Tidakkah engkau lihat bagaimana Tuhanmu lakukan kepada (kaum) ‘Ād, (iaitu) Iram yang mempunyai kemegahan.

#### **6. Allatī lam yukhlaq mithluhā fi al-bilād**

Yang belum pernah diadakan bandingannya di negeri-negeri itu.



*Sāhib al-Faḍīlah al-Shaykh Abdul Basit Muhammad ‘Abd us-Samad sedang berjabat salam dengan Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj setelah menerima pingat peringatan atas ketibaan ke Tanah Melayu menyertai istiadat pembukaan Masjid Negara.*

#### **7. Wa thamūda alladhīna jābū al-ṣakhra bi al-wād**

Dan (kaum) Thamūd yang membawa batu gunung yang besar ke lembah itu.

#### **8. Wa fir’awna dhī al-awtād**

Dan Firaun yang mempunyai binaan-binaan yang teguh.

#### **9. Alladhīna ṭaghaw fī al-bilād**

Yang meliputi batas di negeri-negeri itu.

#### **10. Fa aktharū fihā al-fasād**

Iaitu mereka melakukan banyak kederhakaan padanya.

#### **11. Fa ṣabba ‘alaihim rabbuka sawṭa ‘adhāb**

Lalu Tuhanmu curahkan atas mereka cemeti

Azab-Nya.

#### **12. Inna rabbaka la bi al-mirṣād**

Sesungguhnya Tuhanmu itu tetap di tempat pengawasan.

**Huraian:** Tidakkah engkau lihat, yakni tidakkah

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah berangsur-ansur.

<sup>3</sup> Perkataan sebenar ialah janganlah.

engkau memerhatikan, bagaimana Tuhanmu membinasakan ‘Ād, iaitu kaum Iram bin Sām bin Nūh *‘alayhi al-salām*, kaum Iram yang mempunyai kemegahan, kekuatan dan kemuliaan yang belum pernah diadakan bandingannya di negeri-negeri mereka itu iaitu di negeri Arab?

Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu membinasakan kaum Thamūd yang mempunyai kekuatan, kepandaian dan kemajuan hingga dapat mereka memindahkan batu gunung yang besar-besar ke lembah yang mereka diam di dalamnya lalu mereka mengorek yang menjadikan rumah serta lain-lain alat dan perkakas yang besar-besar?

Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu telah membinasakan Firaun (Raja Mesir) yang mempunyai binaan-binaan yang teguh-teguh yang tidak ada bandingan di dalam dunia yang terkenal dalam bahasa Arab sekarang *al-Ahrām* dan terkenal dalam bahasa Arab piramid?

Mereka telah melakukan perbuatan-perbuatan yang melanggar batas agama dan kemanusiaan, mereka telah membanyakkan permusuhan dan penderhakaan lalu Tuhanmu turunkan azab yang diibaratkan sebagai cemeti yang terus-menerus menyebet mereka hingga hilang kekuatan, kemegahan, kekuasaan, kebesaran, kekayaan, dan kesombongan mereka, hingga tidak tinggal apa-apa sekarang melainkan bekas-bekas mereka sahaja.

Mereka melanggar batas dan derhaka kerana sudah lupa kepada Tuhanmu tetapi sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawas dan memerhati mereka.

#### **Pelajaran daripada ayat ini.**

Di dalam al-Qur’ān Allah Ta‘ālā ada menyuruh kita berjalan-jalan di bumi, sambil memerhatikan bekas-bekas kaum-kaum dan kerajaan yang dahulu-dahulu, sebagaimana ia memerintahkan kita memerhatikan cahaya fajar, bulan dan malam yang disuruh-Nya



*Wakil-wakil dari kerajaan ‘Arabiyah Sa‘ūdiyyah, diketuai oleh Yang Berhormat al-Shaykh Mohammed Suroor as-Sabban Setiausaha*

*Agung al-Rābiṭah ‘Ālam al-Islāmī’ yang berpusat di Mekah (kanan), dalam istiadat pembukaan Masjid Negara Malaysia,*

*di Kuala Lumpur pada 27 Ogos 1965.*

<sup>1</sup> Merujuk kepada Rabita al-Ālam al-Islami atau Muslim World League.

kita menjadikan ibarat dan tamsil bagi naik dan turunnya sesuatu kaum atau bangsa, kerana memerhatikan sekalian yang tersebut itu kita akan insaf dan dapat tahu bahawa kaum, puak dan golongan bangsa dan sebagainya itu kekuatannya, kemegahannya, kekayaannya, dan lain-lainnya tidak akan berfaedah kalau tidak terikat dan terlingkung dalam batas dan agama Tuhan yang sentiasa memerhatikan perbuatan makhluk-Nya.

**13. *Fa ammā al-insānu idhā mā ibtalāhu rabbuhu fa akramahu wa na‘amah***

Tetapi adapun manusia itu apabila dicuba oleh Tuhannya, iaitu Ia muliakan dia dan Ia beri nikmat kepadanya.

**14. *Fa yaqūlu rabbī akraman***

Maka berkatalah ia: Tuhanku telah memuliakan daku:

**15. *Wa ammā idhā mā ibtalāhu fa qadara ‘alayhi rizqahu***

Dan apabila (Tuhannya) mencuba dia, iaitu Ia kurangkan rezekinya.

**16. *Fa yaqūlu rabbī ahānan***

Maka berkatalah ia: Tuhanku telah binasakan daku.

**Huraian:** Manusia itu kalau dapat nikmat daripada Tuhan – iaitu kalau Tuhan beri kekuatan, kemegahan, kebesaran, kekayaan dan sebagainya – sepatutnya ia mengucapkan syukur kepada Tuhannya sambil menggunakan dan mendermakannya di jalan yang diperintah oleh Tuhannya dan janganlah sekali-kali menggunakan nikmat itu dalam menderhaka dan membikin rusuh di bumi Allah.

Yang patutnya begitu, tetapi umumnya manusia, kalau Tuhan memberi kemuliaan dan nikmat, ia hanya mengucapkan dengan lidahnya: “Tuhanku telah beri kemuliaan kepadaku”, padahal tidak ia gunakan nikmat itu pada tempat-tempatnya yang diperintah dan disukai oleh Tuhannya; dan apabila Tuhan kurangkan rezekinya atau beri ia kesusahan, pada masa

itu ia berkata: “Tuhanku telah hinakan daku”, padahal ia tidak memerhatikan bahawa kekurangan dan bahaya atas dirinya itu datang kepadanya atas perbuatannya sendiri.

**Pelajaran daripada ayat ini.**

Kalau Allah Ta‘ālā beri nikmat kepada kita, mahupun ilmu, kekayaan, kekuatan, kebesaran atau lainnya, hendaklah kita mengucap syukur dengan lidah dan menerima kasih dengan anggota kita iaitu dengan menggunakan pemberian-pemberian itu pada tempat yang diredai Tuhan. Kalau kita dapat kesusahan, janganlah kita berkeluh-kesah dan menyebut-nyebut bahawa Allah Ta‘ālā telah beri kesusahan kepadaku tetapi hendaklah kita perhatikan adakah yang demikian itu daripada kesalahan kita sendiri kerana tidak menggunakan nikmat-nikmat pemberian-Nya sebagaimana mestinya atau tidak. Kalau tidak, hendaklah kita percaya, bahawa hal itu satu percubaan dari Allah ke atas kita dan hendaklah kita terima dengan sabar.

**17. *Kallā! Bal lā tukrīmūna<sup>4</sup> al-yatīm***

Tidak! Bahkan tidak kamu muliakan anak yatim.

**18. *Wa lā taḥāḍḍūna ‘alā ṭa‘ūmi al-miskīn***

Dan tidak kamu gemarkan (manusia) atas memberi makan orang miskin.

**19. *Wa ta‘kulūna al-turātha aklan lammā***

Dan kamu makan sungguh-sungguh harta warisan orang

**20. *Wa tuḥibbūna al-māla ḥubban jammā***

Dan terlalu sangat kamu tamak kepada harta.

**Huraian:** Tidak sekali-kali kamu gunakan nikmat yang diberi oleh Allah pada tempat-tempatnya, bahkan kamu tidak muliakan anak yatim – yakni kamu tidak urus keperluan anak-anak yatim dengan pelajaran, makan dan sebagainya dan tidak juga kamu gemarkan orang lain supaya memberi makan

<sup>4</sup> Perkataan sebenar ialah *tukrīmūna*.

dan membantu orang yang miskin, tetapi kamu makan harta warisan anak-anak yatim dan lainnya sekenyang-kenyangnya dengan jalan yang tidak halal, dan kamu tamak pula kepada harta setamak-tamaknya.

#### **Pelajaran daripada ayat ini.**

Sebagai terima kasih dan syukur atas nikmat yang diberi oleh Tuhan kepada kita, hendaklah kita gunakan sebahagian daripada harta kita pada tentang keperluan anak-anak yatim, dan tentang keperluan orang-orang miskin, kerana menggemarkan orang lain supaya memberi makan orang miskin itu tidak manis dan tidak patut kalau kita tidak mendahuluinya. Kalau kita dikuasakan memegang harta warisan orang lain, kecil atau besar, yatim atau bukan, janganlah kita makan melainkan sekadar yang halal bagi kita sahaja. Janganlah kita tamak kepada harta kecuali untuk menggunakan dia kejalan yang diredai Tuhan.

#### **21. *Kallā! Idhā dukkati al-arḍu dakkan dakkā***

Tidak! Apabila dihancurkan bumi kelak sehancur-hancurnya.

#### **22. *Wa jā'a rabbuka wa al-malaku ṣaffan ṣaffā***

Dan datang (perintah) Tuhanmu, sedang malaikat (akan hadir) berbaris-baris

#### **23. *Wa jā'a yawma'idhin bi jahannam***

Dan di hari itu akan dihadirkan (Neraka) Jahannam

#### **24. *Yawma'idhin yatadhakkaru al-insānu wa annā lahū al-dhikrā***

Maka di hari itu, manusia akan ingat, padahal di mana (akan berguna) peringatan baginya

#### **25. *Yaqūlu: Ya laytani qaddamtu li ḥayātī***

Ia akan berkata: Alangkah baiknya kalau aku sudah bersedia untuk penghidupanku (di sini)!

#### **26. *Fa yawma'idhin lā yu'adhdhibu 'adhābahū aḥad!***

Maka di hari itu tidak ada siapa pun dapat mengazab seperti azab-Nya!

#### **27. *Wa lā yūthiqu wa thāqahū aḥad***

Dan tidak ada siapa pun dapat mengikat seperti Ikatan-Nya!

**Huraian:** Tidak patut begitu yakni tidak patut kamu menghina anak yatim, membiarkan orang-orang miskin dan memakan harta warisan anak yatim dan lainnya serta kamu tamak dan menyimpan harta bertumpuk-tumpuk, kerana pada hari yang dihancurkan bumi sehancur-hancurnya (Hari Kiamat) dan akan dikeluarkan semua jasad manusia dari kuburnya; dan akan datang perintah Tuhan bagi memutuskan hukum sedang malaikat-malaikat hadir berbaris bersaf-saf, dan neraka pula dihadirkan bersama-sama buat menerima makanan, di hari manusia akan ingat kepada dosa-dosanya, kesalahannya, kelalaiannya, padahal peringatannya itu sudah tidak berguna baginya kecuali penyesalan yang tidak putus-putusnya dengan berkata: Alangkah baiknya kalau aku telah menjauhi maksiat serta mengerjakan amal yang baik untuk kehidupan di hari yang tidak ada seseorang atau sesuatu pun menolong manusia ini!

Bahkan penyesalan itu tidak berguna pada hari yang tidak ada sesiapa pun yang dapat mengazab seseorang atau mengikat seseorang supaya tidak terlepas daripada azab dan ikatan Tuhan akan manusia yang jahat itu.

#### **Pelajaran daripada ayat ini.**

Hendaklah kita jauhi semua pekerjaan yang tidak disukai oleh Allah, dan hendaklah kita taat kepada Allah sedapat-dapatnya supaya kita terlepas daripada azab Allah pada hari yang tidak berguna melainkan amal yang soleh, pada hari yang tidak berfaedah penyesalan, harapan, tangisan dan sebagainya.

#### **28. *Yā ayyuhā<sup>5</sup> al-nafsu al-muṭma'innatu irji' ilā rabbiki rāḍiyatan marḍiyah***

Hai jiwa yang tetap dan yakin! Kembalilah kepada

<sup>5</sup> Perkataan sebenar ialah *Yā ayyatuhā*.





*Gambar yang bersejarah dalam masa Jalālah al-Malik Faisal bin Abdulaziz Al Saud bersama-sama dengan Gamal Abdel Nasser menandatangani perjanjian tidak mencampuri peperangan saudara di Yaman.*

Tuhanmu dengan senang sentosa

Maksud ayat-ayat tersebut: Tuhan berseru: Hai

**29. *Fa udkhulī fi ‘ibādī***

Iaitu masuklah di dalam (golongan) hamba-hamba-Ku

manusia yang tetap hatinya di dalam agama-Ku dan yakin pada

Hari Pertemuan ini, kembalilah kepada Tuhanmu dengan senang

**30. *Wa udkhulī jannatī***

Dan masuklah ke syurga-Ku.

sentosa, yakni masuklah dalam golongan hamba-hamba-Ku yang

*ṣāliḥīn* dan masuklah ke syurga-Ku bersama-sama mereka itu.

**Huraian:** Pada ayat-ayat yang lalu Tuhan menerangkan

**Pelajaran daripada ayat ini.**

kejahatan manusia dan balasan-Nya dengan umum; hal itu

Hendaklah kita bekerja bersungguh-sungguh supaya kita

tentulah menyebabkan kekhuatiran kepada manusia yang beramal

jadi orang-orang yang senang dan sentosa di dalam syurga

soleh di dalam dunia untuk dunia dan akhirat serta

bersama-sama hamba Allah yang *ṣāliḥīn*.

menunggu-nunggu bagaimana balasan mereka kelak. Datangnya cabaran

[Sekian tafsiran ayat sūrat al-Fajr. Tafsir ayat

yang baharu tersebut itu menghilangkan kekhuatiran dan

sūrat al-Balad yang mengandungi 20 ayat *in shā’a Allāh* kita

kebimbangan mereka.

akan siarkan dalam keluaran akan datang].

(Sambungannya dari muka 9)

boleh dikatakan cacat atau sakit yang menyebabkan putera mahkota itu menghidap sakit strok itu, maka dengan kecerdasan luar biasa yang pernah dialaminya Ibn Sīnā berpendapat bahawa putera mahkota itu sebenarnya ialah menghidap penyakit jiwa bukanlah penyakit jasmani, dan untuk mengubatnya juga bukan mudah seperti disangka pada mulanya.

Waktu ia berpeluang berduaan sahaja dengan si sakit, Ibn Sīnā dalam diam ia memerhati bagaimana putera mahkota itu dengan tiba-tiba matanya liar seolah-olah mencari-cari sesuatu yang tiada di dalam bilik peraduannya itu, dan bila ia terdiam daripada mencari-cari tiba-tiba tangannya diletakkan pada dadanya seolah-olah tidak mahu barang yang di dalam dadanya itu terlepas terbang meninggalkan jasadnya, dengan demikian tahulah Ibn Sīnā jenis penyakit yang dihadapi oleh pemuda yang sepatutnya riang gembira itu.

Pada hari itu juga Sultan ‘Alā’ al-Dawlah menemui Ibn Sīnā bertanya adakah harapan putera mahkotanya itu akan sembuh dari penyakit yang dihidapinya, Ibn Sīnā dengan senyum berkata:

“Hamba akan cuba mengubatkannya seberapa yang terdaya tetapi sebelum itu hamba meminta tuanku adakan suatu permintaan hamba yang agaknya ganjil pada pandangan tuanku.”

“Sebutkanlah apa yang tuan mahu, akan beta adakan .”

“Hamba meminta adakan jawapan-jawapan yang boleh memuaskan hati setiap hari, selama tiga hari.”

“Siapa pula yang akan menjawab jawapan-jawapan itu?” tanya Sultan ‘Alā’ al-Dawlah

“Hamba mahu seorang yang mengetahui semua nama-nama lorong atau jalan-jalan raya di bandar Isfahan ini, mengenali nama penduduk-penduduknya baik lelaki mahupun perempuan.”

Sultan ‘Alā’ al-Dawlah yang penuh kehairanan akhirnya menyanggupi untuk mengadakan orang yang seperti disifatkan

oleh Ibn Sīnā itu, tidak lama kemudian setelah Sultan beredar dari tempat itu, tiba-tiba datang seorang mata-mata mengadap Ibn Sīnā sambil mengenalkan diri bahawa duli baginda Sultan telah memilihnya untuk menjawab segala soalan-soalan yang akan dikemukakan kepadanya selama tiga hari itu.

Dengan ramah-tamah Ibn Sīnā bercakap-cakap dan berbual-bual dengan mata-mata yang diutuskan oleh Sultannya itu, kemudian ia meminta supaya dituliskan untuknya segala nama lorong-lorong dan nama jalan-jalan raya di bandar Isfahan itu.

Mata-mata itu kehairanan juga mendengar permintaan yang dianggapnya sebagai permintaan atau gurau senda belaka, lalu ia pun menulis nama semua sekali lorong-lorong dan jalan-jalan raya yang ada di bandar Isfahan itu. Selesai daripada menulisnya lalu diserahkan kepada Ibn Sīnā, dan ia pun dibenarkan pulang dengan harapan esok harinya akan datang lagi untuk menjawab soalan yang kedua pula.

Setelah mata-mata itu meminta diri, dengan segera Ibn Sīnā masuk ke bilik putera mahkota, lalu membuka sebahagian daripada baju yang dipakai oleh putera mahkota itu, dan diletakkan tangannya ke dada pemuda yang sedang baring di atas peraduannya. Dengan perlahan-lahan dibaca nama satu lorong demi satu lorong maka didapatinya degap-degap jantung putera mahkota itu berlebih-lebihan bila sampai ia membaca nama sebuah lorong yang tertentu.

Biarpun perkara itu telah diketahuinya, tetapi masih tetap dirahsiakan, diajaknya putera mahkota itu berbual-bual dan bergurau jenaka kemudian ia meminta diri setelah berjanji akan datang lagi pada esok harinya.

Pada hari yang kedua mata-mata itu datang lagi menemui Ibn Sīnā, ia meminta supaya dituliskan nama orang-orang yang mendiami sebuah lorong yang tertentu yang pada semalamnya telah menggoncangkan dada putera mahkota yang sedang

sakit itu. Oleh mata-mata itu ditunaikan segala permintaan tabib atau doktor yang aneh itu, sambil itu tidak lepas-lepas ia daripada kehairanannya, dan akhirnya mata-mata itu dibenarkan pulang setelah dijanjikan pada esok harinya mestilah ia datang lagi.

Ibn Sīnā lalu segera mendapatkan putera mahkota di bilik peraduannya dan setelah beramah-tamah dengannya beberapa ketika, ia pun membuka sebahagian dari baju putera mahkota itu seperti yang dilakukannya semalam, sambil itu dibacanya perlahan-lahan nama orang-orang yang mendiami sebuah lorong yang baharu sahaja diserahkan oleh mata-mata istana itu kepadanya, dan tidaklah sia-sia percubaannya itu, kerana ia mendapati putera mahkota itu berdegup-degup dadanya bila sampai ke suatu nama orang yang menghuni kampung atau lorong itu.

Apa yang telah diketahuinya itu, masih juga dirahsiakan lagi, cuma dengan tersenyum ia berkata kepada putera mahkota itu, ia yakin bahawa penyakit yang dideritai oleh putera mahkota itu tidak lama lagi akan segera baik.

Pada hari yang ketiga, mata-mata istana itu datang, lagi menjumpai Ibn Sīnā, setelah bercakap-cakap seketika Ibn Sīnā meminta daripada mata-mata itu menulis nama wanita-wanita penghuni sebuah rumah yang telah dapat diagakannya semalam. Seperti yang pertama dan kedua, perintah Ibn Sīnā yang ketiga ini juga menghairankan mata-mata itu, tetapi ia terpaksa melakukan kewajibannya yang dikehendaki itu, lalu ia pun menulis nama semua wanita samada yang telah kahwin atau yang belum kahwin penghuni rumah yang dimaksudkan itu.

Mata-mata itu kemudiannya dibenarkan pulang, dengan diucapkan berbilang-banyak terima kasih atas segala bantuan-bantuan dan pertolongan yang telah diberikannya itu. Ia keluar dengan penuh tanda tanya yang tidak berjawab, kerana ia menganggap

adakah itu suatu senda gurau atau hanya ia menghadapi seorang manusia ganjil yang mengaku-ngaku menjadi tabib yang akan mengubati putera mahkota rajanya.

Ibn Sīnā segera mendapatkan putera mahkota yang sedang terlantar baring di bilik peraduannya, dan setelah memberi hormat dan salam, seperti biasa diajaknya putera mahkota itu berbual-bual dan bercerita, setelah dibukanya baju putera mahkota itu serta diraba dadanya dengan tangannya, kemudian ia membacakan dengan suara perlahan-lahan nama semua wanita penghuni sebuah rumah yang termaklum.

Bila sampai kepada nama “Rubāb” tiba-tiba degup jantung anak muda itu berlainan sekali, dan dengan seketika itu juga Putera Mahkota itu menbenamkan wajahnya ke lengan tangannya sambil menangis tersedu-sedu. Tatkala itu tahulah Ibn Sīnā segala rahsia yang menyebabkan putera mahkota itu menderita sakit yang hampir-hampir tak boleh diubat selama ini. Segera ia mendapatkan Sultan ‘Alā’ al-Dawlah, lalu diceritakan peristiwa yang telah berlaku. Sultan sendiri seperti kebingungan, biarpun ada tanda-tanda riang gembira mendengar berita yang luar dari dugaannya itu, lalu ia berkata:

“Tahukah tuan, bahawa “Rubāb” itu ialah tunang kepada adik putera mahkota?”

“Kalau demikian, memang sudah pada tempatnya rahsia percintaan itu disembunyikannya selama ini.”

“Bagaimanakah jalan keluar dari perkara yang luar biasa ini?” tanya Sultan.

“Harus kita cari jalan, untuk mengetahui adakah “Rubāb” juga mencintai putera mahkota?” jawab Ibn Sīnā.

“Siapa pula yang dapat mengetahui isi hati anak gadis itu?”

“Sebelum ini tuanku sendiri pun tidak mengetahui isi hati anak kandung putera tuanku.”



Dengan demikian tahulah Sultan bahawa Ibn Sīnā juga sanggup memecahkan perkara yang buntu itu, dan ia sanggup untuk mengetahui atau mencari rahsia hati “Rubāb” gadis impian putera mahkota itu.

Pada keesokkan harinya Sultan ‘Alā’ al-Dawlah mengunjungi ke rumah keluarga “Rubāb” diiringi oleh tabibnya Ibn Sīnā, kedatangannya disambut dengan cukup kemuliaan dan sukacita oleh keluarga Rubāb, setelah melahirkan maksudnya berkunjung ke tempat keluarga itu untuk menemui bakal menantunya, keluarga itu tidak keberatan menyuruh anak gadisnya menyambut kedatangan tetamu agung yang dihormati mereka, dan bila telah bertemu muka antara bakal mertua dengan bakal menantunya, berkenan sangat hati Sultan melihat sopan santun bakal anak menantunya itu, ia lalu diperkenalkan dengan tabibnya Ibn Sīnā sambil berkata:

“Kedatanganku untuk menempahkan bakal anak menantuku gelang-gelang emas tempawan, dan ini ialah seorang jauhari yang mahir yang akan dapat membuat barang-barang perhiasan yang luar biasa, dan ia akan mengukur pergelangan anakku.....”

Tatkala itu “Rubāb” pun diminta untuk menghulurkan tangannya dan Ibn Sīnā segera memegang pergelangan tangan gadis itu, mengeluarkan (melafazkan) nama putera mahkota. Pada masa itu didapatinya urat nadi di pergelangan tangan gadis itu berdegup-degup luar biasa, dan dengan demikian tahulah ia apa rahsia yang tersembunyi di sebalik hati gadis itu.

Bila diceritakan apa yang baharu sahaja berlaku, Sultan sendiri dalam kebingungan, kerana selama ini ia sendiri tidak mengetahui segala rahsia-rahsia itu hingga menyebabkan putera mahkotanya menghidap sakit yang hampir-hampir putus asa dapat diubatkan. Tetapi bagaimanakah jalan yang baik untuk menyelesaikan perkara yang rumit itu?

Akhirnya Sultan ‘Alā’ al-Dawlah berpendapat, bahawa perkara yang rumit itu akan dapat diuruskan oleh permaisurinya, iaitu ibu kepada dua adik-beradik yang terbabit di dalam perkara percintaan tiga jurusan itu .

“Terpulanglah kepada kebijaksanaan adinda untuk menyelesaikan perkara ini. “Ujar baginda kepada permaisurinya.

Pada suatu petang, waktu permaisuri ibu mengunjungi istana anak lelaki tunang “Rubāb”, didapatinya anaknya itu sedang berdukacita, merenung sesuatu yang tidak ada di hadapannya.

Dengan suara yang penuh kasih mesra dari seorang ibu yang pengasih dan penyayang, ibu permaisuri itu bertanya:–

“Ibu lihat engkau dalam dukacita, apakah yang menyebabkan engkau berdukacita itu?”

“Ibu! Saya sedang berfikir untuk membatalkan pertunangan saya dengan Rubāb.”

Ibu permaisuri itu terperanjat besar, lalu mendekati anaknya dan bertanya dengan kehairanan:–

“Apa yang menyebabkan anakku berbuat demikian?”

“Saya telah dapat tahu bahawa Rubāb tidak mencintai saya, kerana semalam saya dikhabarkan, Rubāb bangun dari tidurnya dan dengan tiba-tiba ia memekik-mekik dan menjerit-jerit: Aku tidak mahukan dia, aku tidak sukakan dia, kemudian ia menangis tersedu-sedu.... dan saya tahu itu tentulah ditujukan kepada saya.”

“Tetapi anakku, apa kata orang ramai pula nanti, kalau anakku membatalkan pertunangannya dengan Rubāb itu, sedang orang ramai telah mengetahui bahawa ia itu bakal menjadi menantu raja.”

“Saya tidak peduli apa yang akan terjadi ibu.”

“Tetapi anakku, kita mestilah tahu menjaga

nama baik keluarga kita dan keluarga Rubāb, supaya jangan dikata orang yang bukan-bukan.”

“Apakah yang patut kita lakukan ibu?”

“Aku bercadang kita buat satu keputusan yang tidak menyakiti hati orang lain dan tidak menjadi kata-kata orang – kalau engkau telah bercadang hendak memutuskan tali pertunangan itu, janganlah kita lakukan, tetapi kita gantikan sahaja pertunangan itu kepada abangmu putera mahkota.”

“Itulah yang sebaik-baiknya ibu, kalau abang saya mahu biar dialah yang menggantikan saya dan Rubāb untuk dia.”

Permaisuri ibu itu segera mendapatkan suaminya Sultan, setelah diceritakan kepadanya apa yang baharu sahaja berlaku kedua raja dan permaisuri itu segera mendapatkan anaknya putera mahkota yang sedang sakit itu, lalu diceritakan kepada si sakit itu apa yang baharu berlaku.....

Putera mahkota yang sedang terlantar sakit itu, tiba-tiba bangun daripada tempat peraduannya dan memeluk ibunya dengan berlinang-linangan air mata, sambil bertanya:

“Siapakah yang membukakan rahsia ini kepada ibu, padahal ianya selama ini terkurung di hati saya...”

Sultan ‘Alā’ al-Dawlah senyum lalu terbahak-bahak ketawa kegirangan sambil berkata:

“Ibn Sīnā yang telah dapat membuka rahsia ini.”

Lalu diceritakan kepadanya apa yang telah dilakukan oleh Ibn Sīnā sejak ia mengaku boleh mungubati penyakit yang diderita oleh putera mahkotanya, yang hampir-hampir sahaja putus asa untuk mendapatkan ubatnya oleh segala tabib-tabib yang kenamaan di seluruh negara.

Mendengar segala cerita yang dihuraikan oleh ayah dan ibunya, putera mahkota itu bangun mencium tangan

ibu dan ayahnya yang pengasih dan penyayang, dan kelihatanlah tanda-tanda senyum gembira menyelubungi hati anak muda yang hampir-hampir berputus asa itu. Ia lalu berkata:

“Mudah-mudahan akan bergembiralah Rubāb mendengar berita itu.”

Sejak itu Ibn Sīnā amat didampingi oleh baginda, dan bersinarlah kembali cahaya bintangnya bergemerlapan setelah hampir-hampir kusam padam....

[Kita berseru kepada sidang pembaca yang ingin memenuhi ruangan sudut sejarah, terutama yang patut diketahui oleh umat Islam, silalah kirimkan kepada pengarang Qalam].

#### **Buku-buku Pelajaran**

Surat-menyurat (Jawi)	\$1.80
Sejarah Ringkas Nabī Muḥammad	1.20
Panduan Membaca dan Menulis	
Jawi	1.50
Baca I	1.00
Pelajaran Sembahyang I	1.20
Pelajaran Sembahyang II	
Mengenai Imam Makmum, Masbuk	
dan Seumpamanya	1.20
Mari Sembahyang (Lelaki)	1.20
Mari Sembahyang (Perempuan)	1.20
Pesanan tambah 10 sen belanja pos	

Pesannya kepada penerbitnya:

**QALAM**

356/8 Geylang Road

Singapore 14.